

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

ATW111 - PERAKAUNAN KEWANGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

Syarikat Pemborong No Liana (SPNL) telah mula perniagaan sejak 4 tahun lepas. Satu set penyata kewangan telah disediakan oleh anak sulong Datin No Liana, seorang pelajar yang baru didedahkan kepada perakaunan, iaitu, beliau sedang mengikuti kursus Perakaunan Kewangan. Beliau sangat berminat untuk menyediakan penyata kewangan dan berikut adalah senarai beliau yang terdapat dari kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata pendapatan tertahan. Walaupun beliau berjaya memberikan senarai seperti di bawah, anda perhatikan ada sesuatu yang tidak diambil kira. Mungkin beliau tidak begitu arif tentang pelarasian dan anda rasa sampai masanya anda memperlihatkan kemahiran anda pula.

Akaun Belum Terima	RM183,100	Belanja Iklan	RM98,300
Nota Belum Terima	36,000	Inventori Pembarangan	201,900
Tunai	99,300	Kos Barangniaga Dijual	590,000
Modal Berbayar	620,000	Hasil Sewa Belum Perolehi	4,800
Bangunan	300,000	Belanja Insuran	2,500
Susutnilai Terkumpul:			
Bangunan	20,000	Insurans Bayar Dulu	2,300
Tanah	169,200	Akaun Belum Bayar	52,500
Jualan	936,800	Belanja Faedah	600
Belanja Jualan	124,300	Belanja Telefon	2,900
Pendapatan Tertahan:			
31 Disember 1997	164,000		
31 Disember 1998	274,500	Nota Belum Bayar	20,000
Pendapatan Bersih	110,500	Belanja Am	3,400
Belanja Kendalian	4,300		

...2/-

Butir-butir di atas adalah lengkap kecuali perkara berikut yang anda telah membuat penyemakan di mana tidak diberi pertimbangan oleh anak No Liana:

- a) Gaji RM5,200 belum dibayar kepada kakitangan bagi setengah bulan akhir Disember 1998. Bayaran gaji hanya akan dibuat pada 2 Januari, 1999.
- b) Faedah 10% setahun ke atas nota belum terima telah terakru selama 2 bulan dan dijangka dikutip oleh SPNL apabila nota dibayar pada 31 Januari 1999.
- c) Datin No Liana membeli sebuah kereta Proton Tiara berharga RM27,000 pada 1 Jun, 1998 untuk anaknya berulang alik dari rumahnya di Bukit Jambul ke kampus USM.
- d) Sebahagian bangunan milik SPNL telah disewakan kepada seorang penyewa pada 1 November, 1998 selama 6 bulan dan dibayar terdahulu. Sewa dikutip secara tunai dan utir ini ditunjukkan sebagai Hasil Sewa Belum Perolehi.
- e) Tayar kereta anak Datin No Liana telah dicuri orang pada 7 Jun, 1998 semasa beliau pergi berkelah di Tanjung Bunga dan beliau telah menggantikan dengan 4 tayar baru berharga RM105 setiap satu dan RM1,000 untuk 4 rim.
- f) Susutnilai bangunan bagi 1998 adalah RM6,100.
- g) Dividen tunai RM60,000 telah diistiharkan dalam Disember, 1998 dan akan dibayar dalam Januari 1999.
- h) Cukai pendapatan 40% untuk 1998 dan akan dibayar dalam Januari 1999.
- i) Anak sulong Datin No Liana merancang untuk membeli sebuah komputer berharga dalam lingkungan RM3,200 untuk beliau gunakan membuat tugas semasa di USM kelak.

Memandangkan anda berkebolehan menyediakan penyata kewangan dengan lebih tepat, Datin telah bersetuju anda akan membantu menyediakan:

1. Imbangan Duga selepas Pelarasan pada 31 Disember 1998.
[8 markah]
2. Penyata pendapatan pelbagai langkah bagi 1998.
[9 markah]
3. Penyata pendapatan tertahan bagi 1998.
(4 markah)
4. Kunci kira-kira terkelas pada 31 Disember 1998.
(9 markah)

...3/-

Soalan 2

Hospital Lam Wei Mun (HLWM) mempunyai akaun bank di Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) dan anda diberikan maklumat berikut:

- baki seperti pada 31 Julai dalam buku HLWM adalah RM48,000 dan penyata bank dari BBMB adalah RM28,880.
- Penerimaan tunai 31 Julai berjumlah RM10,000 telah direkodkan dan dideposit dalam peti simpanan malam bank. BBMB tidak memasukkan deposit ini dalam penyata bulan Julai.
- Penyata bank termasuk caj perkhidmatan sebanyak RM120.
- Pesakit-pesakit HLWM telah memberi cek lambung berjumlah RM13,000. HLWM belum membuat catatan tentang pemulangan cek dari BBMB.
- Cek belum tuntut HLWM berjumlah RM4,000.

Anda diminta menyediakan:

- Penyesuaian bank seperti pada 31 Julai. [8 markah]
- Catatan jurnal pihak hospital berpandukan maklumat tambahan yang diberikan. [4 markah]
- Mengapa baki dalam penyata bank tidak pernah sama dengan baki dalam lejar? [3 markah]

Soalan 3

Syarikat Jeanny Wilfred telah membuat analisis jualannya dan akaun belum terima selama 5 tahun. Andaikan kesemua akaun dihapus kira dalam tahun berkaitan jualan tahun berikutnya dan sebahagian dari akaun belum terima di akhir tahun terlibat. Tiada akaun dihapus kira sebelum akhir tahun jualan dan semua akaun yang masih belum dibayar dihapus kira sebelum akhir tahun jualan berikutnya. Analisis menunjukkan:

	Jualan	Akaun Belum Terima Akhir	Hutang Lapuk Di Hapus Kira Dalam Tahun
1994	RM680,000	RM90,000	RM12,000
1995	750,000	97,000	12,500
1996	750,000	103,000	14,000
1997	850,000	114,000	16,500
1998	850,000	110,000	17,600

Baki dalam Akaun Peruntukan Hutang Ragu pada 31 Disember 1997 adalah RM16,000.

- Tentukan belanja hutang lapuk bagi 1998 dan baki Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi 31 Disember 1998 dengan menggunakan kaedah peratusan jualan.

[7 markah]

...4/-

- ii) Ulang keperluan dalam (i) menggunakan peratusan kaedah akaun akhir Akaun Belum Terima.

[5 markah]

- iii) Sekiranya syarikat-syarikat tahu yang ia akan mengalami hutang lapuk, kenapakah syarikat-syarikat masih memberi kemudahan kredit kepada pelanggan-pelanggan mereka?

[3 markah]

Soalan 4

Dua syarikat, Syarikat Rosli Hamat dan Syarikat Abdul Manaf adalah dalam perniagaan besi buruk. Kedua-dua syarikat adalah hampir sama saiz dan dalam 1998 secara tidak langsung mengalami situasi kendalian hampir sama. Hanya sistem inventori mereka sahaja yang berbeza.

Inventori awal mereka adalah 100,000 tan dan kos se tan adalah RM500. Didalam 1998, setiap syarikat membeli 500,000 tan pada harga berikut:

- 200,000@RM600 pada 17 Mac
- 300,000@RM700 pada 5 Oktober

Setiap syarikat menjual 450,000 tan pada harga purata RM1,000 se tan. Lain-lain belanja sebagai tambahan kepada kos barangniaga dijual tetapi tidak termasuk cukai pendapatan adalah RM6.5 juta. Kadar percukaian adalah 40%.

Anda diperlukan:

- i) Mengira pendapatan bersih bagi 1998 untuk kedua-dua syarikat. Tunjukkan pengiraan anda.

[5 markah]

- ii) Sebagai pengurus, kaedah manakah akan anda pilih? Kenapa? Terangkan sepenuhnya. Masukkan anggaran anda kesan keseluruhan kejadian tersebut dalam baki tunai setiap syarikat dengan mengandaikan kesemua urusniaga dalam 1998 adalah penerimaan atau pembayaran tunai secara langsung.

[10 markah]

Soalan 5

Dalam 30 tahun lepas, Syarikat Permainan Suwimol (SPS) telah berkembang dari hanya sebuah lokasi setor permainan kanak-kanak kepada rangkaian setor menjual pelbagai produk kanak-kanak. Aktivitinya dalam 1998 termasuklah:

- a) Membeli 40% saham Syarikat Permainan Zarizi sebanyak RM3,846,000.
- b) Menerbitkan RM1,906,000 dalam hutang jangka panjang; RM850,000 kemudiannya digunakan bagi persaraan hutang yang mesti dibayar dalam 1998 dan telah disenaraikan dalam akaun sebanyak RM900,000.

...5/-

- c) Membeli harta tanah, loji dan kelengkapan sebanyak RM1,986,000 tunai dan menjual harta tanah bernilai buku RM576,000 sebanyak RM500,000 tunai.
- d) Menandatangani nota belum bayar bagi belian kelengkapan baru; obligasi disenaraikan sebanyak RM516,000.
- e) Eksekutif menggunakan hak opsyen saham sebanyak 8,000 saham biasa dengan membayar tunai RM166,000.
- f) Pada 30 Disember 1998, SPS membeli Syarikat Suzilani melalui terbitan saham biasa bernilai pasaran RM297,000.
- g) Menerbitkan saham biasa RM3,200,000 tunai.
- h) Mengambil tunai RM800,000 dari dana pasaran wang yang dianggap sebagai setara tunai.
- i) Hutang jangka panjang telah ditukarkan kepada saham biasa RM960,000.
- j) Keputusan terpilih bagi tahun adalah:

Pendapatan bersih	RM679,000
Susut nilai dan pelunasan	615,000
Pertambahan dalam inventori	72,000
Pengurangan dalam akaun belum terima	13,000
Pertambahan dalam akaun dan upah belum bayar	7,000
Pertambahan dalam cukai belum bayar	25,000
Belanja faedah	144,000
Pertambahan dalam akruan faedah belum bayar	15,000
Jualan	9,739,000
Dividen tunai diterima dari pelaburan	159,000
Tunai dibayar kepada pembekal dan kakitangan	8,074,000
Dividen tunai dibayar	240,000
Tunai dibayar untuk cukai	400,000

Sediakan penyata aliran tunai bagi 1998 dalam kaedah langsung. Masukkan jadual yang menyesuaikan pendapatan bersih kepada tunai bersih aktiviti kendalian. Juga, masukkan jadual pelaburan bukan tunai dan aktiviti pembiayaan.

[25 markah]

---ooo000ooo---